

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
22 FEBRUARI 2018**

1. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU 2018

Sukacitanya di sini saya memaklumkan bahawa Promosi Bayaran Cukai Pintu 2018 yang telah bermula pada 1 Disember 2017 dan akan tamat pada 28 Februari 2018.

Pembayar cukai taksiran yang masih belum membuat bayaran dan ingin menyertai cabutan bertuah digalakkan membuat bayaran dengan segera secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau melalui agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Jawi. Untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai hadiah yang ditawarkan, sila layari laman web www.mpsp.gov.my atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 697 / 696 / 468 / 790 / 891** atau e-mail di waran@mpsp.gov.my.

2. PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN PADA 1 MAC 2018

Dimaklumkan bahawa pada 28 Februari 2018 (Rabu) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama tahun 2018. Mulai 1 Mac 2018, Notis E Taksiran sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran, hendaklah membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**. Bayaran boleh dibuat secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau melalui agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Jawi.

3. OPERASI PERKHIDMATAN KAUINTER BERPUSAT DILANJUTKAN PADA 28 FEBRUARI 2018

Dimaklumkan bahawa pada 28 Februari 2018 (Rabu), Kaunter Berpusat MPSP akan melanjutkan masa operasi kepada pembayar cukai sehingga jam 8.30 malam bagi urusan pembayaran pada hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama tahun 2018.

4. PEMBERIAN INSENTIF KEPADA PEMEGANG LESEN PENJAJA OLEH KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG (PENGECUALIAN BAYARAN LESEN PENJAJA SECARA ONE-OFF BAGI TAHUN 2018)

Dimaklumkan bahawa atas keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, maka sekali lagi Kerajaan Negeri telah membuat pengumuman insentif dengan memberi pengecualian bayaran lesen penjaja secara *one-off* bagi Tahun 2018 kepada semua penjaja yang memegang lesen di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuklah Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Pengecualian bayaran lesen penjaja ini dijangka memberi manfaat kepada lebih 7,500 penjaja dan peniaga kecil yang merupakan

pemegang lesen penjaja MPSP. Oleh itu, MPSP akan mengadakan program bayaran balik lesen yang telah dijelaskan bagi Tahun 2018 kepada penjaja yang berbuat demikian pada 6 Mac 2018 (Selasa) di Auditorium MPSP mulai jam 9 pagi hingga 1 tengah hari. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi pegawai yang terlibat di talian 04-5497685 (Puan Rohaya) atau 04-5497680 (Puan Intan).

5. PROGRAM HACKFEST MPSP 2018

Majlis Perbandaran Seberang Perai akan menganjurkan satu program bagi mendapatkan kaedah untuk mempercepat dan mempermudahkan penyampaian perkhidmatan melalui *cyber* kaunter. Program ini diadakan secara marathon dalam tempoh 24 jam yang bercirikan *inclusive* melalui penglibatan komuniti khususnya golongan remaja yang dikenali sebagai HackFest MPSP 2018. Program ini akan memberi pendedahan kepada peserta sambil mencungkil idea dan inovasi di dalam pembangunan *cyber* kaunter. HackFest MPSP 2018 akan dianjurkan bersempena Hari Majlis MPSP iaitu pada 13-15 Julai

2018 (Jumaat – Ahad) dengan menampilkan tema "Cyber Counter" sebagai fokus utama.

Program ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia berusia 18 tahun ke atas dan berkumpulan dengan setiap kumpulan di antara 3-5 orang ahli. Yuran yang dikenakan adalah sebanyak RM 30 bagi setiap kumpulan dan hadiah yang menanti para pemenang ialah RM 4,000 bagi Juara, RM 2,000 bagi Naib Juara dan RM 1,000 bagi tempat ketiga. Untuk maklumat lanjut, pemohon boleh melayari laman web rasmi program ini seperti berikut:

<http://hackfest.mpsp.gov.my>.

6. PELANCARAN KENDERAAN PELBAGAI GUNA (MULTI PURPOSE VEHICLE)

Dimaklumkan MPSP telah membeli sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) sebagai satu langkah kesiapsiagaan dan persiapan bagi menghadapi bencana pada masa hadapan. Pada 4 November 2017 yang lalu, Pulau Pinang telah dilanda bencana banjir besar yang turut menjelaskan tiga daerah di Seberang Perai. Sebanyak 8,598 orang penduduk terlibat dengan banjir dan

sebanyak 1,194 batang pokok telah tumbang. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) selaku pihak berkuasa tempatan merupakan antara agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam memberikan tindak balas sebelum, semasa dan selepas bencana.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan pembelajaran yang diperolehi semasa kejadian bencana tersebut, MPSP telah mengambil satu langkah yang proaktif iaitu menjenamakan semula skuad khas sebagai satu jabatan dan membeli sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) untuk digunakan semasa bencana. Kenderaan pelbagai guna ini dilengkapi dengan kemudahan *Centrifugal Pump* berkapasiti 3,000 liter per minit, tangki air berkapasiti 5,000 liter, Chasis 13 tan pacuan empat roda berkuasa 240hp dan dikelaskan sebagai kenderaan bertaraf Euro3, Crew Cab yang boleh memuatkan seramai 5 hingga 7 orang anggota dan mempunyai ruangan penyimpanan peralatan.

Kenderaan ini digunakan bagi memberi tindakbalas semasa bencana seperti kejadian kebakaran, banjir, pokok tumbang,

tumpahan minyak dan lain – lain disamping melaksanakan aktiviti – aktiviti pembersihan awam seperti pembersihan jalan, pembersihan parit tersumbat dan sebagainya. Pembelian kenderaan pelbagai guna (MPV) ini merupakan sebuah langkah persediaan bagi Seberang Perai menghadapi sebarang kemungkinan bencana pada masa hadapan dan meningkatkan keupayaan Seberang Perai untuk bangkit dengan segera sebagai sebuah bandar yang berdayatahan (*resilient*), berdayahuni (*livable*) dan berdayasaing (*competitive*).

7. MPSP CAR FREE MORNING PADA 4 MAC 2018

Dimaklumkan bahawa MPSP Car Free Morning akan diadakan pada 4 Mac 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula jam 7.30 pagi hingga 12 tengah hari. Program kali ini turut digabungkan dengan Sambutan Hari Wanita Sedunia 2018 yang mana pelbagai aktiviti menarik akan diadakan antaranya Zumba & Fitness Challenge, Santai Mewarna untuk kanak-kanak & Kids Artwork Workshop, Bengkel Kecantikan oleh Avon, Bengkel dan Jualan barang Upcycle, Cup Cake & Kraftangan, cabutan bertuah, pameriksaan kesihatan, pameran PWDC serta pameran perkhidmatan MPSP dan lain-lain lagi acara menarik. Oleh itu,

semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

8. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP iaitu Senamrobik bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin akan diadakan pada 18 Mac 2018 (Ahad). Manakala Senamrobik bersama MPSP di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 25 Mac 2018 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.